

## Pelajar IPT perlu berani kendali program

SH: 09/04/08 PG-T8

**ALOR KELADI** - Keberanian pelajar mengendalikan sesuatu program merupakan satu bonus mencapai status individu berkualiti dari segi akademik dan aktiviti luar bilik kuliah.

Pengarah Program Bakti Siswa dan Anak Angkat Mahasiswa Bersama Masyarakat Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Mohd Hafizal Zainuddin berkata, pelajar harus berani mengendalikan program universiti kerana inilah peluang bagi mereka menonjolkan kebolehan diri masing-masing.

“Dalam mengendalikan sesuatu program, kita akan berdepan dengan wakil rakyat, wakil masyarakat setempat dan ini merupakan satu pengalaman baru bagi pelajar.

“Pengalaman ini juga merupakan salah satu latihan bagi mereka untuk memasuki alam pekerjaan kelak,” katanya.

Menurutnya, tidak ada satu perkara yang mudah dalam dunia ini dan dalam mengendalikan sesuatu program, pelajar akan berdepan dengan pelbagai masalah atau keangangan dan semua ini harus diambil sebagai pengajaran.